

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KENYATAAN SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA: 27/JMM/S/12/91 (2024/2025)
TAJUK SEBUT HARGA: SEBUT HARGA BAGI PROJEK '*REPLACE OF NEW UNINTERRUPTIBLE POWER SUPPLY (UPS) BATTERY, POE & SWITCH AND SYSTEM CHECK FOR CCTV AT MUZIUM MARITIM, KOTA BATU*'

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

1. Sebut Harga dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai 'Sijil Pendaftaran' yang sah yang berdaftar dengan Registrar of Companies of Brunei Darussalam dalam **Kategori Kerja E01 (Electrical Work) & P05 (Electrical, Electronic and Electro-Mechanical Engineering Tools)**.
- 1.1 Syarikat mestilah pakar dalam **Security and Surveillance system seperti mana-mana kerja yang berkaitan dengan CCTV** bagi melaksanakan penyelenggaraan dan ujian dengan betul.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iatu dari pukul 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari pukul 2.00 petang hingga 3.00 petang kecuali Hari Sabtu sehingga pukul 10.00 pagi sahaja.
4. **Yuran Sebut Harga** bagi setiap borang adalah **B\$5.00 (Ringgit: Lima Ringgit Sahaja)** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (bona-fide tender).
5. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebutharga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada:

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN MUZIUM-MUZIUM, JALAN DEWAN MAJLIS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Sebarang pertanyaan pihak penender hendaklah menghubungi *Officer In-charge (OIC)* iaitu:
 - 1) Mohammad Farha Azziqa Putra Bin Muhammad Sharmidin Hamizan, Jurumekanik Elektrik **+6737122509**.
 - 2) Hjh Shariana Binti Haji Naim, Pegawai Muzium ditalian **+6738842564**.
 - 3) Haji Muhammad Hafizzuddin Bin Haji Awang Majid, Pembantu Teknik Kanan

+6737152282.

7. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Penender yang ikut serta **DIMESTIKAN HADIR** semasa sesi **Information Day / Site Briefing** pada tarikh **01 OKTOBER 2024 (HARI SELASA) PUKUL 10.00 PAGI DI MUZIUM MARITIM, KOTA BATU** di mana kehadiran adalah dimestikan. Penender yang gagal hadir semasa lawatan ke tapak projek boleh menyebabkan tawaran untuk tidak dinilai.
9. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **PETI SEBUT HARGA, BAHAGIAN PENTADBIRAN, TINGKAT 2, BANGUNAN ARKIB NEGARA, JALAN DEWAN MAJLIS TIDAK LEWAT HARI KHAMIS, 24 OKTOBER 2024, JAM 2.00 PETANG.**
10. Sebelum dokumen sebut harga dikeluarkan, setiap syarikat / pemborong adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran yang dinyatakan dan dikehendaki membayar yuran Sebutharga dengan kadar yang telah ditetapkan.
11. Sebut Harga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga yang disediakan. Borang Sebut Harga dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar sebut harga yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.
12. Setiap borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran syarikat dan salinan resit pembayaran yuran sebut harga (seperti kenyataan Para 4).
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
14. Syarikat yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).